

ICOMSA UMS Bantu Lahirkan Profesional Bidang Marin

Terakhir dikemaskini: Khamis, 15 Mac 2018 14:37 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 208

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


KHAMIS, 15 MAC -
Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Madius Tangau berkata Malaysia memerlukan tenaga kerja dinamik, yang memiliki pelbagai kemahiran dan kepakaran dalam bidang berkaitan marin untuk menangani

isu alam sekitar, ekonomi, sosial dan budaya.

Beliau berkata disebabkan Malaysia mempunyai kawasan marin yang lebih luas daripada kawasan daratan, maka negara ini memiliki banyak sumber dan sekali gus memikul tanggungjawab besar dalam menguruskannya.

"Malaysia adalah sebuah negara maritim, yang banyak bergantung pada pelayaran serta pengangkutan bagi menghubungkan bahagian timur dan barat negara ini serta dengan dunia luar, di samping bagi banyak tujuan lain.

"Malaysia mempunyai kepentingan nasional dalam melindungi perkhidmatan ekosistem marin, yang memainkan peranan semakin penting dalam ekonomi, gaya hidup dan kehidupan harian.

"Dalam konteks ini, saya perlu menyebut bahawa Universiti Malaysia Sabah (UMS), melalui program pendidikan dan aktiviti penerangan berkaitan laut, boleh memberi sumbangan besar dalam usaha melahirkan profesional dalam bidang kelautan serta tenaga kerja di pelbagai peringkat bagi membantu negara ini mengurus warisan marinnya dengan lebih berkesan," kata beliau.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Sains dan Inovasi, Profesor Madya Dr. Ramzah Dambul yang mewakili beliau merasmikan Persidangan Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur (ICOMSA) anjuran Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Tambah Dr. Ramzah, input daripada golongan pakar amat diperlukan dalam menghasilkan polisi pemuliharaan alam marin yang lebih baik.

"Kurangnya input daripada saintis dan pihak yang memahami ekosistem alam sekitar antara masalah yang dihadapi penggubal polisi di negara ini. Ini menyebabkan wujudnya jurang antara golongan saintis dengan penggubal polisi, ujarnya.

Tambah beliau, para saintis perlu memahami tentang proses penggubalan polisi supaya mereka boleh memberikan input yang bersetujuan.

Seramai 114 peserta termasuk penyertaan luar negara menyertai persidangan tersebut selama dua hari bermula kelmarin.

Pada majlis itu juga, UMS dan Sutera Harbour Resort menandatangani perjanjian penajaan bersama dengan Jebsen & Jessen (Sea) Ptd Ltd.

Turut Hadir Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin; Pengarah IPMB Profesor Dr. Rossita Shapawi; Pengerusi Jebsen & Jesson (Sea) Heinrich Jessen; Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Sutera Harbour Resort Kenneth Goi Kok Ming serta Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti.